

06/10/2001

Bola sepak selebriti Malaysia, Singapura

Ellyna Ali

RAMAI selebriti lelaki kita yang kaki bola dan mampu bermain bola sepak dengan baik. Malah ada antara mereka yang menyertai kelab sukan artis dan mengadakan perlawanan persahabatan dengan kelab yang amaturnya dan juga profesional.

Justeru, La Fiamma Stargate untuk menganjurkan perlawanan bola sepak antara artis Malaysia yang mewakili pasukan Artiste All Star dengan pasukan Pilihan Artis Popular Singapura.

Perlawanan bola sepak yang dijadual berlangsung di Padang, Sri Gelam, Johor Bahru, jam 5 petang ini juga adalah sebahagian daripada kerja amal bagi mengisi Tabung Majlis kanser Nasional (Makna).

Ketua pasukan Artiste All Star, Ridzuan Hashim (gambar) menyifatkan perlawanan amal ini adalah sebagai satu kerana kebajikan dan sumbangan kecil dari warga seni sesama manusia.

"Hanya inilah yang termampu kami lakukan. Kami benar-benar berharap dapat membantu golongan yang benar-benar memerlukan selalu menanamkan semangat cintakan negara diminta masyarakat kita," katanya.

Pelakon berkaliber itu juga berkata, kerana semangat patriotisme mereka itu, Artiste All Star akan membawa sepanduk 'Kembalikan Maruah Negara' dalam perlawanan persahabatan itu.

"Apa pun, kami sesekali tidak memandang remeh terhadap kekuatan pasukan jiran tapi semangat cintakan negara melebihi segala-galanya.

"Apatah lagi, apabila kami menyarungkan jersi kuning hitam yang menjadi lambang pasukan negara selama ini," katanya.

Selain Ridzuan, Artiste All Star juga turut diwakili oleh Shamrin Fotograf, Badrul Muhyat, Norman Hakim, Roy Azman, Hairee Othman, Riot Kool, Zack Kool, Riezman Khuzaimie, Acappan, Man Bai, Seri Bayu dan ramai lagi.

Manakala pasukan Pilihan Artis Paling Popular pula dibarisi nama seperti Edmung Tay, Gurmit Singh, Bernard Tan dan Lin Yi Sheng.

Pada kali pertamanya juga, barisan artis Muzik Segar Embun iaitu Shamrin Fotograf, NurHaslia dan Raza akan menyampaikan lagu patriotik berjudul Kita Adalah Kita pada perlawanan itu nanti.

Lagu ciptaan Wom dan lirik oleh Seri Bayu dan Ridzuan Hashim sendiri ditujukan khas untuk Datuk Seri Mahathir Mohamad.

Ia juga adalah sebagai satu jawapan kepada puisi Melayu Mudah Lupa yang dihasilkan sendiri oleh Perdana Menteri.

Rombongan pasukan artis Malaysia, Artiste All Star mula berkampung di bandar Johor Bahru bermula 3 Oktober lalu untuk latihan di bawah pengawasan Lahad Daduk Sulik yang pernah mewakili Johor dalam siri Piala Malaysia serta mewakili negara dalam skuad Harimau Malaysia.

Pada masa sama, mengadakan perlawanan pemanas badan dengan bekas pemain Johor iaitu Khalid Shahdan, Ismail Ibrahim, Dollah Salleh dan Nasir Yusuf.

Dalam pada itu, rangkaian promosi mengenai perlawanan amal itu diadakan di beberapa pusat beli-belah.

Ia juga peluang untuk peminat menyaksikan tendangan artis kesayangan mereka selain membeli tiket perlawanan yang berharga RM50 dan RM20.

Mereka yang berminat boleh membeli tiket perlawanan bola sepak amal itu, dengan menelefon: 07-3542002.

Tiket juga dijual di restoran Marrybrown di Sentosa, Hock Sang Travel Centre, Taman Pelangi dan Pasaraya Maslee, Tampoi.

(END)

